



Patuh kepada SOP akan pengaruhi ekonomi

SHAH ALAM - Pematuhan prosedur operasi standard (SOP) secara konsisten bagi menangani penularan wabak koronavirus (Covid-19) boleh meningkatkan keyakinan rakyat, sekali gus membantu kerajaan dalam usaha memulihkan ekonomi negara.



MUHIYUDDIN

Yang Dipertua Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu (DPPM) Malaysia Perak, Datuk Muhammad Muhiyuddin Abdullah berkata, kedua-dua faktor itu amat penting kerana ia mampu mempengaruhi psikologi rakyat untuk berdepan pandemik Covid-19.

Beliau berkata, setelah kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun lalu, penglibatan rakyat semakin aktif apabila hotel-hotel mula menerima tempahan, sektor perkhidmatan beroperasi dan kehadiran orang ramai di pusat beli-belah semakin meningkat. "Malah, kita boleh lihat pematuhan

SOP oleh pemilik premis perniagaan juga sangat baik dan pelanggan yang datang juga mengamalkan saranan kerajaan walaupun kelihatan masih berjaga-jaga. "Dengan ini, kita nampak proses pemulihan ekonomi itu dapat berjalan walaupun secara berperingkat tetapi sekurang-kurangnya aliran atau pergerakan duit itu kembali masuk ke dalam pasaran," katanya

ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Muhyiuddin berkata, suntikan dana atau bantuan diberikan kerajaan kepada rakyat termasuk peniaga turut meningkatkan keyakinan rakyat.

Beliau berkata, selagi vaksin bagi Covid-19 tidak ditemui, pemilik premis perniagaan serta rakyat perlu terus mengikut garis panduan yang ditetapkan kerajaan kerana ia jaminan terbaik buat masa ini untuk memastikan segala aktiviti dapat dijalankan dan ekonomi dapat diperkukuhkan kembali.

Rakyat takut untuk berbelanja

FOTO: BERNAMA



Pengunjung perlu mematuhi SOP ditetapkan ketika memasuki pusat beli-belah Sogo di Kuala Lumpur kelmarin. Gambar kecil: Rosli Sulaiman.

Sektor ekonomi di Malaysia masih perlahan walaupun sudah masuk fasa pemulihan

Oleh HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

daan ini akan berterusan.

"Rasa tidak selamat dan bimbang ini akan terus mempengaruhi psikologi serta keyakinan rakyat untuk keluar membeli-belah atau membeli barangan keperluan seperti kebiasaan," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, proses pemulihan ekonomi dalam tempoh PKPP dilaporkan tidak terjejas meskipun berhadapan dengan situasi turun naik kes Covid-19 di negara ini.

Mustapa bagaimanapun berkata, penularan wabak itu memberi kesan terhadap psikologi masyarakat yang akan menjadi halangan utama dalam memulihkan semula ekonomi.

Sementara itu, Rosli berkata, pelbagai prosedur operasi standard (SOP) yang harus dipatuhi juga sedikit menyukarkan dan menyebabkan masyarakat lebih selesa untuk tidak keluar rumah.

Selain itu, Rosli turut berharap agar pihak berkuasa tempatan (PBT) serta Majlis Bandaraya tidak terlalu menekan golongan peniaga tempatan untuk mematuhi SOP yang ditetapkan.

"Sepatutnya ambil tindakan tegas terhadap warga asing terutama yang menaja di tepi jalan. Cara itu juga dapat membantu peniaga tempatan untuk terus bernafas semula selain meningkatkan keyakinan masyarakat.

"Ini kerana, orang ramai takut kerana kebanyakan kes penularan wabak Covid-19 di negara ini adalah melibatkan warga asing," katanya.

Malaysia terkena tempias masalah global

SHAH ALAM - Perkembangan ekonomi Malaysia ketika ini adalah positif, namun wujud kemungkinan negara terkesan dengan tempias masalah global, kata penganalisis ekonomi daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali.

"Apa yang boleh saya katakan ialah Malaysia lebih baik berbanding Amerika Syarikat dan United Kingdom (UK) membabitkan penyelesaian Covid-19 tetapi tempiasnya ada kerana

membabitkan negara berkenaan," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Dr Nuradli berkata, kadar kecairan domestik juga tinggi ketika ini kerana disokong oleh pelan pemulihan tetapi beliau mempersoalkan sampai bila kerajaan boleh terus membantu.

Menurutnya, harga minyak dunia kini berada di kawasan penolakan atau rintangan.

"Ia juga bergantung kepada pandemik Covid-19 ini sama ada boleh selesai atau sebaliknya," kata beliau.

JADUAL WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	5:49	7:05	1:22	4:48	7:36	8:52
ALOR SETAR	5:49	7:03	1:22	4:48	7:35	8:51
PULAU PINANG	5:52	7:05	1:22	4:48	7:34	8:50
IPOH	5:51	7:02	1:19	4:46	7:30	8:46
KOTA BHARU	5:38	6:58	1:14	4:41	7:27	8:39
KUALA TERENGGANU	5:41	6:56	1:10	4:37	7:22	8:38
KUANTAN	5:45	7:00	1:11	4:37	7:19	8:35
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	5:51	7:04	1:17	4:43	7:26	8:41
SHAH ALAM	5:51	7:04	1:17	4:43	7:26	8:41
SEREMBAN	5:50	7:05	1:15	4:41	7:22	8:37
BANDAR MELAKA	5:50	7:04	1:14	4:40	7:21	8:36
JOHOR BAHRU	5:44	6:59	1:08	4:33	7:14	8:29

Sumber daripada portal www.e-solat.gov.my

• PENGURUS, PENGARAH URUSAN DAN PENERBIT: DATO' (DR) HUSSAMUDDIN HU YAACUB
• KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF GROUP SINAR KARANGKRAF: FARAH HUSSAMUDDIN • KETUA PENGARANG KUMPULAN: DATUK BAHAROM MAHUSIN • PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL: DATUK ABD JALIL ALI
• PENGARANG EKSEKUTIF (CETAK): AZMI TARMIZI • PENGARANG EKSEKUTIF (DIGITAL): RUZY ADILA IDRIS • TIMBALAN PENGARANG BERITA: ONG BOON TECK, BADRULDIN ZAKARIA, ZAMRI RAMBLU, ZUKI PILEH
• PENGURUS BESAR JUALAN IKLAN: NURSUZIANA ZULKIFLI (nursuziana@sinarharian.com.my) • PENGARAH KREATIF KANAN: NORAZLAN ISMAIL

• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 • Dicitak oleh Ultimate Print Sdn Bhd., Lot 2, Jln Sepena 15/3, Off Perlarisan Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 0351013301 • Tel: 03-51017480 (Unit Langganan Karangkraf Mail) • E-mel: editors@sinarharian.com.my